

BAB 3 – PENCABULAN HAK ASASI MANUSIA KONTEMPORARI

3.0 PENGENALAN

Jika kita memperhatikan sejarah panjang krisis hak asasi manusia yang telah berlaku sejak zaman berzaman, kita tentu akan menyimpulkan bahawa manusia menghadapi dilema yang besar untuk mendepani peradaban global abad yang ke-21 ini. Ternyata sejarah yang panjang ini masih belum mampu untuk memberikan iktibar kepada manusia bahawa nilai kemanusiaan itu sangat penting dalam konteks kehidupan bermasyarakat apatah lagi masyarakat yang beradab. *Civil society* atau masyarakat *madani* sewajarnya melayani manusia sebagai manusia yang mutlak dengan penuh kemanusiaan sebagai nilai asasnya.

Semua peradaban bermula daripada peradaban kuno hingga peradaban moden dan pasca moden, telah meletakkan nilai kemanusiaan sebagai wagas - wawasan dan gagasan - utama pembinaan peradaban. Istilah seperti *umran*, *adbun*, *tamadun*, *madinah*, *hadharah*, *keimelion*, *civilization*, *wen ming*, *nakarikam*, *kulture*, *civilitas*, *zivilisation*, *incivilmento* dan sebagainya memberikan makna yang jelas terhadap peranan manusia dalam mengungkap erti kemanusiaan¹. Pemugaran nilai inilah yang mengasaskan peradaban prasarana.

Namun begitu, bagaikan suatu pertindanan kemalangan (*double jeopardy*) terhadap peradaban manusia apabila manusia sendiri terus rakus mencabul dan menodai

nilai-nilai kemanusiaan ini. Hari ini setelah beribu tahun usia peradaban manusia yang pelbagai, pencabulan hak asasi manusia terus menjadi isu utama dan dijangka akan terus menjadi isu terpenting sehingga menjadi punca menimbulkan pertembungan antara peradaban manusia pada alaf baru ini². Di seluruh dunia hak asasi manusia dipermainkan seperti bola sepak sehingga penindasan ini umpama tiada kesudahannya.

Dalam bab ini, penulis akan meninjau beberapa krisis hak asasi manusia yang berlaku di seluruh dunia meliputi pencabulan hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya sebagai bahan kajian kes. Bab ini akan membincangkan tentang pertelingkahan pandangan dan implementasi beberapa peradaban tentang hak asasi manusia yang dilihat antara punca mengapa pencabulan terus berlaku.

3.1 KRISIS HAK SIVIL

Hak sivil ialah hak-hak yang ditakrifkan sebagai hak peribadi seseorang individu. Hak-hak ini merupakan persoalan asas tentang maruah dan harga diri seseorang dalam perhubungannya dengan orang lain. Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 merakamkan peruntukan tentang hak-hak sivil dalam Perkara 3 hingga 13 meliputi hak ke atas nyawa dan keselamatan diri, hak tidak diperhambakan, hak tidak diseksa dan dizalimi, hak diiktiraf sebagai insan oleh undang-undang, hak sama rata di sisi undang-undang, hak tidak ditahan sewenang-

wenang. hak perbicaraan adil. hak untuk tidak diganggu serta hak untuk bebas bergerak dan memilih tempat tinggal³.

Manakala Konvenan Antarabangsa tentang Hak-hak Sivil dan Politik 1966 pula menggariskan beberapa elemen sebagai hak sivil antaranya. hak untuk hidup; hak untuk tidak diseksa atau diganasi dengan tidak berperikemanusiaan. layanan buruk atau didenda; hak untuk tidak diperhambakan. perhambaan dan perdagangan hamba hendaklah dihalang. larangan terhadap buruh paksa; hak tidak boleh ditangkap dan ditahan sewenang-wenangnya; hak semua manusia daripada dihalang untuk menikmati kebebasan dan menerima layanan kemanusiaan; dan hak tidak boleh dipenjarakan semata-mata kerana tidak dapat memenuhi perjanjian dan tanggungjawabnya⁴.

Konvenan ini juga memperuntukan hak untuk bebas bergerak dan bebas memilih tempat tinggal; had-had sesebuah kerajaan untuk menghantar pulang pendatang asing yang sah; hak diadili secara saksama. jaminan terhadap prosedur jenayah dan sivil; hak untuk tidak didakwa di bawah undang-undang yang diawal tarikhkan; hak diiktiraf sama taraf dalam undang-undang; dan larangan untuk mengganggu sewenang-wenang atau di luar batas undang-undang terhadap kebebasan individu. keluarga. rumah atau orang terdekat⁵.

3.1.1 Pencabulan hak sivil

Tragedi pencabulan hak sivil sering kali menjadi bahan politik dalam pertembungan antara Asia dan Barat. Barat sebagai kelompok negara maju mendakwa mereka adalah juara hak sivil. Jika ditinjau dari aspek perlaksanaan hak-hak ini memang benar Asia sebagai sebuah peradaban yang baru merdeka sedang menumpukan kepada usaha-usaha pembangunan ekonomi dan penyusunan semula sistem sosial. Hak sivil agak terabai ekoran hak ini dilihat akan menghalang program-program pembangunan ekonomi. Namun begitu di Barat, ketika pencabulan hak sivil yang dilihat minima di sana, negara-negara Barat sendiri sebaliknya bertindak mencabul hak-hak sivil negara lain terutama negara sedang membangun dan mundur untuk kepentingan politik dan ekonomi mereka.

Pencabulan hak sivil yang paling dahsyat hari ini ialah tentang hak untuk hidup, hak untuk tidak diseksa, hak mendapat layanan kemanusiaan dan hak untuk tidak diganggu atau dicerobohi sewenang-wenang. Hak-hak ini tercabul melalui peperangan yang berlaku di seluruh dunia sama ada ia berpunca daripada perselisihan ideologi, perkauman, agama ataupun penjajahan. Penjajahan Israel ke atas Palestin, penjajahan Britain ke atas Ireland Utara, penjajahan Russia ke atas Chechnya, penjajahan India ke atas Kashmir dan penjajahan Iraq ke atas Kuwait; peperangan kerana ideologi seperti yang dialami oleh Afghanistan, Libya, Iraq, Nicaragua, Panama dan Korea Utara; peperangan kerana perkauman seperti di Bosnia, Zimbabwe, Halabja dan Kasova; juga peperangan kerana agama seperti di

Gujerat, Maluku dan Ambon telah mengorbankan ribuan nyawa dan mencederakan jutaan yang lain, selain menyekat keamanan, menyebabkan berlakunya pelarian perang, kemelaratan dan kemiskinan⁶.

Di negara-negara Asia, rekod pencabulan hak sivil agak buruk terutama terhadap tokoh-tokoh atau kumpulan yang dilihat berkonfrontasi dengan pemerintah. Tokoh-tokoh seperti Aung San Suu Kyi di Myanmar, Dalai Lama di Tibet, Nur Misuari di Filipina, Anwar Ibrahim di Malaysia, Necmettin Ebarkan di Turki dan Jayaratnam di Singapura adalah antara tokoh politik dan pejuang kemerdekaan yang ditahan atau dikenakan sekatan politik kerana kegiatan mereka yang anti kezaliman kerajaan mereka. Bahkan sebahagian daripada mereka diseksa dan dizalimi ketika berada dalam tahanan. Kes-kes tahan politik tanpa bicara juga telah berlaku ke atas beberapa kumpulan yang didakwa terlibat dengan keganasan selepas Peristiwa 11 September 2001. Di Singapura, Malaysia, Indonesia dan Pakistan, kumpulan-kumpulan Islam dikenakan pelbagai sekatan melalui undang-undang. Beberapa kumpulan juga telah disenaraikan oleh Amerika Syarikat dalam senarai pengganas sehingga menyekat kebebasan ahli-ahlinya⁷. Bahkan negara seperti Malaysia, Singapura dan Israel masih menggunakan ISA yang membenarkan penahanan tanpa bicara.

Dalam pada itu juga, negara-negara maju dari Barat telah menggunakan kekuasaan politik, ekonomi, ketenteraan dan media massa untuk menyekat kebebasan sivil negara-negara miskin. Hak untuk sesebuah negara menentukan dasar awam dan

dasar ekonomi termasuk menentukan nilai mata wangnya sendiri telah dikawal oleh negara-negara Barat. Melalui regim kewangan antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia. negara-negara mundur telah kehilangan hak-hak sivil mereka. Bahkan negara mundur juga terpaksa mengikut rentak Barat atau menjadi penyokong Barat kerana kebergantungan mereka kepada bantuan-bantuan daripada Barat. Seperti dalam isu keganasan. semua negara terpaksa mengikut telunjuk Amerika apabila Presiden George W Bush bertegas “sama ada kamu menyokong kami (US) atau kamu menentang kami (US)!“⁸. Bahkan Amerika sendiri telah terlibat dalam lebih 100 peperangan dan campur tangan ketenteraan di negara lain sepanjang abad ke-20⁹. Sekatan ekonomi antarabangsa ke atas Iraq bukan sahaja menjadikan Iraq negara miskin tetapi telah membunuh 1.7 juta rakyatnya¹⁰.

Umumnya. sangat jelas bahawa pencabulan hak sivil yang berlaku pada hari ini adalah amat dahsyat kerana ia bukan sahaja menghalang pelbagai hak peribadi setiap manusia bahkan turut membunuh sebahagian daripadanya. Pencabulan ini bukan sahaja berlaku di Asia tetapi juga di negara-negara Barat sendiri. Lebih hebat lagi apabila negara-negara Barat dan regim antarabangsa telah bertindak mencabul hak sivil negara-negara mundur sebagai satu kemuncak kepada pencabulan sivil. Yang jelas pendirian antarabangsa tentang hak sivil telah dicabuli oleh hampir semua peradaban termasuk peradaban yang mendakwa sebagai juara hak sivil.

3.2 KRISIS HAK POLITIK

Satu hak yang dilihat sebagai regu utama hak sivil ialah hak politik. Hak politik adalah hak-hak setiap individu dalam kegiatan politik mereka sama ada politik kepartian, ideologi ataupun kewarganegaraannya. Perkara 14 hingga 21 Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 menggariskan hak mendapat perlindungan politik, hak kewarganegaraan, hak berkahwin dan berkeluarga, hak memiliki harta, hak bebas berfikir, hak kebebasan beragama, hak kebebasan pendapat, hak berhimpun secara aman, hak menganggotai persatuan, hak mengambil bahagian dalam kerajaan dan perkhidmatan awam sebagai hak-hak politik yang sepatutnya dinikmati oleh setiap insan¹¹.

Sebagai tambahan dan perincian, Konvenan Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik 1966 telah memberikan perlindungan dan hak untuk bebas berfikir, kesedaran dan agama, kebebasan menyatakan pendapat; larangan sebarang propaganda yang mengajak kepada peperangan yang menanam kebencian berasaskan negara, bangsa dan agama yang membawa kepada diskriminasi dan keganasan; kebebasan berhimpun; kebebasan berpersatuan; kebebasan berkahwin dan membina keluarga; perlindungan ke atas kanak-kanak; hak setiap orang mengambil bahagian hal ehwal masyarakat, hak mengundi dan dipilih; hak mendapat keadilan undang-undang dan menyertai perkhidmatan awam dalam negaranya; hak persamaan di sisi undang-undang dan mendapat perlindungan.

undang-undang yang sama rata: dan perlindungan terhadap etnik, agama dan bahasa minoriti¹².

3.2.1 Pencabulan hak politik

Pencabulan utama yang berlaku ke atas hak-hak politik pada hari ini adalah tertumpu kepada hak-hak yang melibatkan secara langsung dengan kegiatan politik seperti hak bersuara, hak berhimpun dan hak berpersatuan. Namun begitu ini tidak bermakna hak-hak lain tidak dicabuli. Dalam konteks hak politik, sekali lagi peradaban Asia menjadi peradaban yang paling banyak mencabul hak politik rakyatnya. Kerana alasan yang sama iaitu pembangunan, maka hak politik mesti disempitkan bagi mengelakkan usaha-usaha pembangunan ekonomi daripada terbantut.

Ketika negara Barat membuka seluas-luasnya hak untuk bersuara, berhimpun dan berpersatuan kepada rakyatnya, negara-negara Asia masih terus membuat sekatan yang menghalang kebebasan. Sekatan bersuara sama ada melalui pidato, surat khabar dan penulisan serta media elektronik seperti radio, televisyen dan internet. Di negara-negara seperti China, Singapura dan Malaysia akhbar-akhbar dan media elektronik dikawal oleh kerajaan sehingga suara pembangkang tidak kedengaran¹³. Kebebasan berhimpun untuk mendengar ceramah dan membantah sesuatu dasar secara aman juga tidak dibenarkan. Negara-negara aliran sosialis seperti China,

Iraq. Syria. Libya dan Cuba pula mengamalkan sistem satu parti dan menyekat sebarang pembentukan gerakan bersifat politik anti-establishment¹⁴.

Sikap tidak demokrasi ini terus menular walaupun negara-negara bekas Soviet Union. negara Eropah Timur seperti Poland. Hungary. Czech. Slovakia. Romania. Bulgaria dan Jerman Timur serta negara Amerika Latin seperti Chile. Nicaragua. Paraguay dan Uruguay mulai menerima demokrasi pada penghujung 1980-an. Ketika negara-negara Asia dan Afrika seperti Benin. Cape Verde. Chad. Ivory Coast. Gabon. Sao Tome and Principe. Algeria. Zimbabwe. Guinea-Bissau. Mongolia. Mozambique. Nepal. Niger. Somalia. Togo. Zaire dan Zambia telah menerima sistem multi parti sepanjang dekad 1990-an. beberapa negara seperti Zimbabwe dan Algeria masih menghalang kebebasan rakyatnya untuk memilih dan dipilih secara demokrasi¹⁵. Peristiwa rampasan kuasa tentera di Algeria. Haiti. Myanmar. Pakistan dan Turki menunjukkan keputusan rakyat tidak diiktiraf dalam demokrasi mereka. Lebih dahsyat lagi apabila negara seperti China. Brunei. Kuwait. Arab Saudi. Korea Utara dan beberapa negara Afrika masih mengamalkan sistem diktator yang tidak membenarkan penglibatan menyeluruh rakyat dalam kerajaan.

Persoalan kebebasan beragama juga menjadi isu penting kerana masih terdapat kumpulan tertentu yang ditindas kerana agamanya. Pengalaman Bosnia. Kosova. Ambon. Maluku. Gujerat dan Palestin memperlihatkan bagaimana mereka ditindas kerana menganut agama Islam. Orang kulit hitam di Afrika Selatan. kulit putih di

Zimbabwe. Palestin. Kurdis. Maori dan kulit hitam Amerika pula ditindas kerana perkauman dan warna kulit mereka¹⁶. Pada hari ini juga. unsur-unsur agama. bangsa dan bahasa telah dijadikan bahan propaganda yang boleh mencetuskan ketegangan seperti yang dilakukan oleh Amerika ke atas umat Islam selepas 11 September 2001. Australia pula telah mencanangkan kebencian kepada umat Islam dan orang Asia selepas tragedi letupan bom di Bali.

Kebebasan untuk memiliki pendapat atau berpegang kepada satu-satu pendapat juga mulai dicabut sekarang ini. Ideologi dan agama yang dilihat bertentangan dengan aliran pemikiran Barat telah disekat dan diberikan imej yang buruk. Selepas kejatuhan Soviet Union pada 1991. negara-negara blok sosialis seperti Korea Utara. Iraq. Libya. China dan Cuba terus menjadi mangsa penindasan Barat semata-mata kerana kepercayaan mereka kepada ideologi sosialis. Iran. Sudan. Yemen. Afghanistan dan Turki pula pula ditindas kerana memilih Islam sebagai sistem negara mereka¹⁷. Selepas 11 September 2001. semua umat Islam digambarkan sebagai penganas kerana kepercayaan agama mereka.

Umumnya. pencabulan hak politik telah berlaku dengan begitu meluas di seluruh dunia termasuk Barat. Negara-negara Asia telah mencabul hak politik dari aspek kebebasan bersuara. berpersatuan dan berhimpun. tetapi negara-negara Barat menyekat kebebasan pendapat dan ideologi politik. menggalakkan sentimen perkauman dan agama serta sering menafikan keputusan rakyat melalui pilihan raya

jika tidak menguntungkan mereka. Yang jelas bahawa hak politik global telah dicabul dalam pelbagai bentuk dan oleh semua peradaban.

3.3 KRISIS HAK EKONOMI

Keperluan terhadap hak ekonomi bagi setiap anggota masyarakat adalah dijamin oleh Perkara 22 hingga 24 Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948. Hak ekonomi boleh ditakrifkan sebagai hak setiap individu terhadap kegiatan yang bersifat ekonomi. Hak ini juga meliputi semua keadilan dalam segala aktiviti ekonomi sama ada lokal, domestik mahupun antarabangsa. Perisyiharan tersebut telah menjamin hak-hak tentang keselamatan sosial, hak pekerjaan dan pemilihan pekerjaan, gaji, saraan adil, menukuhan kesatuan sekerja, berehat dan bercuti¹⁸. Konvenan Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Hak Sosial dan Hak Budaya 1966¹⁹ pula telah memperuntukan dengan jelas tentang pengiktirafan terhadap hak-hak bekerja; hak menikmati keadilan dan merasai keselesaan bekerja; hak menukuh dan menyertai kesatuan sekerja.

3.3.1 Pencabulan hak ekonomi

Selepas Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) ditubuhkan hampir semua negara telah mulai memberikan perhatian terhadap isu-isu kebajikan pekerja sebagai sumber utama dalam kegiatan ekonomi²⁰. Setiap negara telah membenarkan penubuhan kesatuan sekerja dan memberikan jaminan terhadap upah minima, masa

kerja, keselamatan sosial, kesihatan, perumahan dan sebagainya. Namun begitu, pada hari ini isu utama pencabulan hak ekonomi tidak lagi berkisar kepada hak pekerja tetapi tertumpu terhadap pencabulan hak ekonomi global yang dilakukan oleh negara maju dan regim ekonomi antarabangsa.

Secara keseluruhannya, ekonomi global hari ini telah dikuasai oleh segelintir negara maju, regim kewangan antarabangsa dan juga syarikat-syarikat multinasional (MNC). Oleh kerana penguasaan ke atas ekonomi dunia bagi negara maju boleh membawa maksud penguasaan ke atas politik dunia, maka negara-negara maju dan juga MNC yang berpusat di negara maju menggunakan kekuatan ekonomi dan kewangan untuk menguasai politik antarabangsa. Walaupun penguasaan ini secara langsung telah menindas negara-negara miskin dan sedang membangun, namun untuk kepentingan dan survival politik negara maju, penindasan ini tetap menjadi agenda politik global.

Menurut Chandra Muzaffar, melalui Kumpulan 8 (G8), negara-negara maju telah menggunakan Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan (GATT), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Kesatuan Eropah (EU) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) sebagai proksi mereka untuk menindas negara-negara miskin dan sedang membangun atas nama bantuan dan rangkaian ekonomi antarabangsa²¹. Negara-negara maju telah menujuhkan beberapa agensi ekonomi antarabangsa seperti G8, NAFTA, IMF dan sebagainya. Melalui G8, Britain, Kanada, Perancis, Jerman,

Jepun dan Amerika Syarikat telah mengawal perjalanan ekonomi dan kewangan dunia untuk memastikan kepentingan mereka dapat dilindungi walaupun membawa kerugian dan kehancuran kepada manusia lain.

Tragedi terbaru ekonomi dunia yang tercetus pada 1997 telah memperlihatkan bagaimana IMF telah digunakan oleh negara-negara maju (Utara) untuk menjerat negara-negara sedang membangun di Asia seperti Indonesia dan Thailand bagi mengukuhkan cengkaman politik mereka. Kemunculan NAFTA yang membuka Mexico sebagai medan baru perindustrian telah memberikan ancaman kepada Asia Pasifik yang disebut-sebut sebagai pusat kebangkitan ekonomi abad ini²². Walaupun kehadiran Selatan China²³ sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang menyaingi Mexico. namun usaha-usaha Barat telah memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Ketidakadilan ekonomi antarabangsa tercermin dalam Keluaran Negara Kasar (KNK) negara-negara seluruh dunia terutamanya tiga puluh tahun terakhir abad yang lalu. Antara tahun 1960 dan 1990. negara-negara terkaya dengan penduduk 20 peratus daripada penduduk dunia telah meningkatkan penguasaan mereka dalam KNK global daripada 70.2 peratus kepada 82.7 peratus. Sedangkan negara-negara termiskin dengan penduduk 20 peratus daripada keseluruhan penduduk dunia hanya menguasai 1.4 peratus daripada KNK global pada 1990 berbanding 2.3 peratus pada 1960²⁴. Kesan ketidaksamarataan pendapatan ini sangat membimbangkan.

Laporan Program Pembangunan PBB (UNDP) menyebutkan bahawa pada 1960. 20 peratus yang terkaya ini telah mengalami 30 kali lebih banyak peningkatan berbanding 20 peratus yang termiskin. tetapi menjelang 1990 peningkatan ini telah bertambah kepada 60 kali lebih banyak. Keadaan akan menjadi lebih dahsyat apabila negara-negara Utara yang hanya didiami oleh 25 peratus penduduk dunia telah menggunakan 70 peratus daripada sumber tenaga dunia. 75 peratus sumber logam. 85 peratus sumber perkayuan dan 60 peratus sumber makanan serta pertanian²⁵.

Berbanding dengan penduduk di negara Selatan. UNDP melaporkan bahawa satu million rakyatnya terperangkap dalam kemiskinan mutlak. satu setengah million tidak memperolehi kemudahan kesihatan asas dan satu million orang dewasa mengalami buta huruf di seluruh negara Selatan. Dalam kata lain. penduduk di negara Selatan tidak dapat menikmati hak ekonomi yang paling asas. Pasaran modal ekonomi global yang memacu lebih USD 300 million sehari melalui jaringan pasaran antarabangsanya tidak memberikan apa-apa makna kepada penduduk miskin di negara Selatan melainkan hanya mampu sekadar bertahan untuk hidup sahaja²⁶. Chandra Muzaffar menyifatkan keberatsebelahan ekonomi global ini sebagai punca utama kesengsaraan penduduk miskin di seluruh dunia²⁷.

Negara-negara Selatan juga menghadapi masalah hutang kepada bank-bank dan badan-badan kewangan antarabangsa yang sebahagian besar dikuasai oleh negara Utara. Hutang negara-negara Selatan kepada IMF pada 1986 ialah sebanyak USD

3.4 KRISIS HAK SOSIAL

Hak sosial juga merupakan satu hak yang dijamin oleh Perkara 22 Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948. Perkara 25 dan 26 perisyiharan ini telah memberikan jaminan hak terhadap kesihatan, kebajikan diri dan keluarga, hak mendapat makanan, pakaian, perumahan, pengawasan perubatan dan perkhidmatan sosial, hak perlindungan ketika menganggur, sakit, hilang keupayaan, diperjandakan dan lain-lain keuzuran, hak ibu dan kanak-kanak, hak mendapat pendidikan dan keperluan memupuk rasa hormat, persefahaman dan persahabatan antara negara, bangsa dan agama³².

Konvenan Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya 1966 pula memperincikan hak sosial ini sebagai keamanan sosial termasuk jaminan sosial, hak-hak keluarga, ibu, kanak-kanak dan orang muda untuk dilindungi dan dibantu, hak memiliki keperluan hidup yang mencukupi, hak untuk menikmati kesihatan mental dan fizikal mengikut standard tertinggi dan hak mendapat pendidikan³³.

3.4.1 Pencabulan hak sosial

Pencabulan ke atas hak-hak sosial merupakan antara isu utama dalam dilema hak asasi manusia kontemporari. Hampir semua hak yang dijamin oleh Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 berkenaan hak-hak sosial telah dicabuli. Persoalan keadilan sosial merupakan pencetus kepada timbulnya perjuangan

42.4 million berbanding USD 9.5 million pada 1980²⁸. Keseluruhan hutang luar dengan negara Utara pada 1986 berjumlah USD 1.2 trillion²⁹. Untuk membayar hutang-hutang ini, negara Selatan terpaksa mengurangkan perbelanjaan pembangunan negara dan sebanyak USD 132 million wang di negara Selatan digunakan untuk membayar hutang pada 1986³⁰. Akibat daripada kelembapan pembangunan kerana masalah hutang, 650.000 kanak-kanak telah meninggal dunia di negara Selatan pada setiap tahun³¹. Hutang luar negara-negara miskin juga telah menyebabkan mereka kehilangan hak untuk bersuara di arena antarabangsa.

Sangat jelas kepada dunia bahawa sistem dan jaringan ekonomi yang sedang diamalkan hari ini langsung tidak memberikan keadilan kepada masyarakat antarabangsa. Sistem ekonomi yang dipraktikkan hari ini telah meningkatkan penguasaan negara maju dan kaya ke atas ekonomi dunia, menyempitkan peluang negara miskin untuk membebaskan diri daripada kemunduran dan menyekat kemunculan kuasa-kuasa ekonomi yang baru. Masyarakat antarabangsa juga terpaksa menelan hakikat bahawa hak mereka untuk mendapat layanan ekonomi sama rata, menikmati tahap kesihatan yang tinggi, membasmi kemiskinan dan buta huruf, mendapat pekerjaan dan keselesaan bekerja serta membangunkan negara adalah sangat tipis .

3.4 KRISIS HAK SOSIAL

Hak sosial juga merupakan satu hak yang dijamin oleh Perkara 22 Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948. Perkara 25 dan 26 perisyiharan ini telah memberikan jaminan hak terhadap kesihatan, kebajikan diri dan keluarga, hak mendapat makanan, pakaian, perumahan, pengawasan perubatan dan perkhidmatan sosial, hak perlindungan ketika menganggur, sakit, hilang keupayaan, diperjandakan dan lain-lain keuzuran, hak ibu dan kanak-kanak, hak mendapat pendidikan dan keperluan memupuk rasa hormat, persefahaman dan persahabatan antara negara, bangsa dan agama³².

Konvenan Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya 1966 pula memperincikan hak sosial ini sebagai keamanan sosial termasuk jaminan sosial, hak-hak keluarga, ibu, kanak-kanak dan orang muda untuk dilindungi dan dibantu, hak memiliki keperluan hidup yang mencukupi, hak untuk menikmati kesihatan mental dan fizikal mengikut standard tertinggi dan hak mendapat pendidikan³³.

3.4.1 Pencabulan hak sosial

Pencabulan ke atas hak-hak sosial merupakan antara isu utama dalam dilema hak asasi manusia kontemporari. Hampir semua hak yang dijamin oleh Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 berkenaan hak-hak sosial telah dicabuli. Persoalan keadilan sosial merupakan pencetus kepada timbulnya perjuangan

menuntut hak asasi manusia³⁴. tetapi sehingga hari ini pencabulan ke atas hak sosial terus berlaku. Persoalan hak sosial yang semakin terhakis hari ini ialah masalah kesihatan. pendidikan. wanita. kanak-kanak. kemiskinan serta perbalahan kaum dan agama.

Isu hak wanita yang diperjuangkan oleh kumpulan feminism adalah antara gerakan hak asasi manusia yang paling menonjol antara dekad 1970-an hingga akhir abad ke-20. Antara tuntutan utama mereka ialah mendapat persamaan dengan lelaki dari semua aspek terutama hak untuk mengundi. hak pendidikan dan hak bekerja. Wanita juga menghadapi masalah seperti ibu tunggal. penyakit AIDS. diskriminasi gender. gangguan seksual dan sebagainya yang berlaku di seluruh dunia³⁵. Menurut Tabung Kanak-kanak Antarabangsa (Unicef). berjuta-juta kanak-kanak telah meninggal dunia di seluruh dunia akibat kekurangan zat makanan. diserang penyakit dan menjadi mangsa penghambaan. penganiayaan dan eksplorasi seks³⁶. Dalam menggambarkan keseriusan ini. *The State of the World's Children* 1993 menyatakan bahawa suasana yang ada sudah tidak boleh lagi diterima sebagai sebahagian daripada peradaban³⁷.

Walaupun pendapatan 29 negara anggota Pertubuhan bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD)³⁸ semakin meningkat. ramai kanak-kanak yang menjadi rakyat mereka masih tinggal dalam keluarga miskin hingga kesihatan dan pertumbuhan mereka tergugat. Pusat Penyelidikan Innocenti Unicef di Florence. Itali mengklasifikasikan remaja yang membesar dalam kemiskinan menghadapi

masalah pelajaran. berhenti sekolah lebih awal. penyalahgunaan dadah. terbabit dengan jenayah. menganggur dan hamil terlalu awal³⁹. Pusat penyelidikan tersebut juga mendedahkan bahawa kanak-kanak di 23 daripada 29 negara maju hidup melarat dengan Mexico mencatatkan tahap kemiskinan kanak-kanak sebanyak 26.6 peratus. Amerika Syarikat (22.4 peratus). Itali (20.5 peratus) dan Britain (19.8 peratus). Unicef menyebutkan bahawa 47 juta kanak-kanak berhadapan masalah ini di mana 13.5 juta orang adalah dari Amerika Syarikat.

Hak-hak sosial juga terjejas teruk ekoran penularan penyakit berbahaya dan ketidakmampuan orang-orang miskin mengakses kesihatan. Beberapa penyakit seperti AIDS. kencing manis. lemah jantung. darah tinggi dan barah adalah penyakit pembunuhan utama hari ini. Lihat sahaja tentang penularan dan ancaman HIV/AIDS. Daripada 34.3 juta pengidap HIV/AIDS pada 1999. 33.0 juta orang adalah pengidap dewasa yang mana 50 peratus daripadanya adalah wanita. manakala 1.3 juta pula adalah kanak-kanak di bawah umur 15 tahun. Lebih dahsyat lagi apabila sebahagian daripada 34.3 juta orang. iaitu seramai 5.4 juta orang adalah pengidap baru yang dikesan sepanjang tahun 1999. Pertambahan hampir 15 peratus setahun ini merupakan suatu gambaran bagaimana HIV/AIDS menjadi krisis kesihatan antarabangsa. Jika pertambahan 15 peratus setahun ini kekal bermakna pada tahun 2010. pengidap HIV/AIDS global akan menjangkau 200 juta orang⁴⁰.

Persoalan kemiskinan global dan perbalahan kaum/agama yang telah dibincangkan sebelum ini juga merupakan sebahagian daripada pencabulan hak sosial. Bahkan bagi negara-negara sedang membangun dan miskin. isu-isu sosial telah bertukar menjadi krisis ekonomi yang parah. Umumnya, pencabulan hak sosial ini bukan hanya dilakukan secara langsung oleh pihak-pihak tertentu seperti yang dialami oleh wanita dan kanak-kanak. tetapi isu-isu sosial yang lain berlaku secara tidak langsung kesan daripada kemiskinan. sentimen perkauman dan penularan penyakit. Walau apapun, pencabulan hak sosial tetap mengancam masa depan masyarakat antarabangsa.

3.5 KRISIS HAK BUDAYA

Kebudayaan merupakan nadi peradaban. Kerana itu masyarakat antarabangsa telah menggariskan satu panduan untuk melindungi hak-hak budaya daripada dicerobohi. Perkara 22 Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 telah memberikan jaminan tentang perlunya hak budaya diberikan kemuliaan. Perkara 27 perisyiharan yang sama juga telah melindungi hak individu untuk bergiat dalam aktiviti kebudayaan, menikmati kesenian dan merasai nikmat kemajuan sains. Setiap orang juga mendapat perlindungan terhadap haknya ke atas penghasilan sains, kesusteraan dan kesenian⁴¹. Konvenan Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya 1966 pula menjamin hak setiap orang untuk mengambil bahagian dalam kehidupan berbudaya⁴².

3.5.1 Pencabulan hak budaya

Budaya tradisi merupakan satu ciri asas kepada semua peradaban sehingga ada sarjana yang menganggap kebudayaan sebagai peradaban. Dalam dunia moden hari ini, isu membenarkan keterlibatan masyarakat dengan mana-mana kebudayaan adalah tidak berbangkit. Soal hak ke atas penciptaan sains, seni dan budaya juga telah banyak dilindungi. Bahkan dengan adanya teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini, boleh dikatakan tidak ada manusia yang dihalang daripada menikmati apa sahaja hasil kesenian dan kebudayaan. Yang menjadi persoalan ialah keruntuhan budaya tradisi yang berlaku akibat penularan budaya Barat sehingga menukar imej peradaban bukan Barat⁴³.

Melalui media massa elektronik dan cetak, kebudayaan Barat yang berasaskan budaya popular dan budaya hedonisme telah disebarluaskan kepada peradaban bukan Barat. Makanan, pakaian, cara hidup, muzik, filem, lagu dan nyanyian daripada Barat telah diberikan tempat yang begitu tinggi sehingga dalam banyak kes, mereka telah berjaya mengubah bentuk dan amalan budaya setempat yang diwarisi secara tradisi. Dengan kata lain, peralihan selera daripada budaya peradaban tradisi kepada budaya yang berteraskan peradaban Barat telah berlaku baik pada batas nilai dan mahupun dampaknya⁴⁴. Golongan elit dan kelas menengah di negara-negara bukan Barat yang mula terpengaruh dan menyukai budaya Barat, telah menyebarkan budaya ini kepada masyarakat setempat terutamanya golongan muda. Melalui pendekatan seperti ini, budaya Barat telah berkembang dengan begitu pesat bahkan

mengancam secara langsung budaya tradisi yang diamalkan oleh masyarakat setempat sejak turun temurun.

Meskipun penyebaran bentuk atau cara hidup baru daripada satu budaya kepada budaya lain adalah suatu proses yang biasa, tetapi telah wujud suatu keadaan yang sangat berbahaya dalam interaksi antara peradaban Barat dengan bukan Barat. iaitu adat kebiasaan atau amalan budaya tempatan tertentu yang pada asasnya lebih unggul daripada budaya baru, akan lenyap dalam jangka masa yang panjang akibat pembudayaan Barat yang berlebihan dalam masyarakat bukan Barat. Budaya Barat yang diberikan imej yang tinggi oleh media telah menyebabkan budaya tradisi menjadi tidak bernilai pada kaca mata golongan elit dan kelas menengah termasuk golongan muda mudi yang begitu terpengaruh dengan budaya Barat.

Akibat daripada promosi yang berlebihan oleh media, makanan-makanan berciri tempatan yang lebih bergizi telah hilang populariti kerana kemunculan beberapa jenama makanan segera daripada Barat seperti Ayam Goreng Kentucky (KFC) atau McDonalds. Kedudukan minuman tradisional seperti teh, kopi, air tebu, air kelapa dan sebagainya yang lebih berkhasiat telah diambil alih oleh minuman Barat seperti Coca Cola dan Pepsi. Lebih dahsyat lagi apabila minuman keras seperti *whisky*, *brandy*, *wine*, *beer* dan sebagainya telah menjadi minuman utama majlis-majlis rasmi golongan elit di negara bukan Barat. Pakaian-pakaian tempatan yang secocok dengan iklim dan suasana tempatan juga telah ditukar dengan pakaian Barat yang

sebahagiannya menjolok mata dan mengutamakan keegoan pemakainya. Pakaian Barat yang berjenama juga dijadikan ukuran terhadap karakteristik seseorang⁴⁵.

Budaya hedonisme yang diwarnai oleh muzik, filem, lagu dan nyanyian Barat juga hampir melumpuhkan kesenian dan muzik tradisional di negara-negara bukan Barat. Lagu-lagu dan muzik tradisi sudah ditinggalkan dan digantikan oleh muzik dan lagu Barat. Pemuzik dan penyanyi Barat telah menjadi idola kepada muda-mudi sehingga mereka meniru apa sahaja yang dilakukan oleh penyanyi kesayangan mereka. Nama-nama seperti Micheal Jackson, Maddona, Britney Spears, Kurt Cobain dan sebagainya lebih popular di kalangan muda-mudi berbanding tokoh-tokoh negarawan dan tokoh-tokoh agama mereka. Muda-mudi di negara bukan Barat juga didedahkan dengan konsert-konsert yang menjadi pemangkin kepada keruntuhan sosial.

Bila mana kebiasaan, amalan dan cita rasa lokal yang lebih rasional dan sihat dimusnahkan sendiri oleh masyarakat pengamalnya kerana terpengaruh dengan budaya Barat maka ia menjadi satu ancaman besar kepada masa depan budaya tradisi keseluruhannya. Dalam pengertian inilah, anggapan bahawa dominasi budaya Barat merupakan pencabulan terhadap hak-hak budaya peradaban bukan Barat, di mana pada akhirnya keanekaragaman budaya yang selalu diyakini sebagai salah satu ciri utama dan paling berharga dalam peradaban manusia mengalami kerosakkan.

Penyamaran budaya Barat melalui media sebagai budaya global mungkin akan memaksa sejenis homogen budaya terhadap budaya tradisi yang beraneka. Sedangkan hak asasi manusia mengajak semua pihak menghargai pluralisme budaya dan semua perkara yang mempunyai kesan ekspresi dan artikulasi. maka kehomogenan budaya ini akan menjadi suatu kutukan terhadap peradaban manusia. Inilah yang menjadi dasar bahayanya budaya Barat terhadap demokrasi budaya dan hak budaya bagi seluruh masyarakat manusia. Kesimpulannya, sangat jelas kelihatan bahawa hak-hak budaya yang sepatutnya dinikmati dan diwarisi sebagai ciri utama peradaban sedang mengalami keruntuhan. Mungkin pada masa akan datang semua peradaban akan berbudaya Barat dan keanekaragaman budaya tradisi akan musnah.

3.6 PERSELISIHAN PANDANGAN TENTANG HAK ASASI MANUSIA

Hak asasi manusia merupakan suatu keperluan hidup yang asas bagi setiap manusia tanpa mengira darah keturunan, warna kulit, usia, tempat tinggal, fahaman politik dan sebagainya. Bahkan semua manusia perlu dan berhak untuk mendapat layanan asasi ini tanpa sebarang pilih kasih atau dinafikan sebahagian daripada haknya. Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 telah memberikan pengiktirafan persamaan ini pada bahagian mukaddimahnya⁴⁶. Kerana itu semua pihak mestilah mempunyai interpretasi dan pandangan yang menyeluruh terhadap erti dan perlaksanaan hak asasi manusia bagi menjamin keadilan dapat dinikmati oleh semua. Chandra Muzaffar menekankan sepatutnya semua pihak mestilah

mempunyai pandangan bahawa hak asasi manusia bersifat *sejagat (universal)* dan tidak berpecah-pecah (*indivisible*)⁴⁷.

Deklarasi Vienna 1993 pula telah memperjelaskan dengan tegas bahawa :

*All human rights are universal, indivisible and interdependent and interrelated. The international community must treat human rights globally in a fair and equal manner, on the same footing, and with the same emphasis. While the significance of national and regional particularities and various historical, cultural and religious backgrounds must be borne in mind, it is the duty of State, regardless of their political, economic and cultural systems, to promote and protect all human rights and fundamental freedoms*⁴⁸.

Namun begitu, dalam konteks percaturan politik antarabangsa moden hari ini, masih wujud percanggahan dan pertelagahan pendapat di antara pemerintah-pemerintah yang mewakili peradaban yang berbeza tentang konsep dan perlaksanaan hak asasi manusia. Negara-negara peradaban Barat mempunyai interpretasi yang tersendiri tentang hak asasi manusia, manakala negara-negara peradaban bukan Barat pula mempraktiskan sebaliknya sehingga menimbulkan percakaran yang besar dalam persoalan ini. Dan keadaan ini menambahkan lagi beban isu hak asasi manusia sehingga ia benar-benar menjadi satu krisis.

3.6.1 Perselisihan penafsiran dan amalan hak asasi manusia antara peradaban Barat dan bukan Barat

Berbeza dengan Peradaban Timur yang berteraskan agama. Peradaban Barat yang dipengaruhi oleh ‘bagasi sejarahnya’ yang mengalami Zaman Gelap (600-1000 M) dan interaksi dengan Peradaban Islam pada zaman Umayyah Cardova telah memberikan pengertian hak asasi manusia dengan begitu berbeza sekali. Peradaban Asia dipengaruhi oleh agama seperti Islam. Shinto. Hindu. Buddha Hinayana. Confucius dan Toa. manakala peradaban Afrika dan Amerika Latin pula dipengaruhi oleh kepercayaan tradisi yang unik sebelum mengalami era penjajahan (1500-1950 M) dan telah dimanipulasikan oleh penjajah Barat sehingga menjaskannya struktur ekonomi, sosial dan budaya mereka. Faktor penjajahan ini mempengaruhi peradaban bukan Barat mengutamakan hak ekonomi, sosial dan budaya.

Di Barat pula, penindasan golongan gereja dan pemerintah feudal ke atas rakyat pada Zaman Gelap telah menimbulkan kesedaran untuk menuntut hak sivil dan politik daripada pemerintah. Interaksi yang wujud antara Peradaban Barat dengan Islam telah memperlihat kepada masyarakat Eropah tentang erti keadilan dan maruah diri. Bertolak daripada kesedaran inilah, ahli-ahli politik, pemikir falsafah dan penyair Barat bangkit menyampaikan idealisme mereka⁴⁹. Perjuangan hak sivil dan politik menjadi tunjang gerakan rakyat di Eropah. Hasil daripada pembawaan sejarah yang berbeza ini, Peradaban Barat dan bukan Barat pada hari ini

mempunyai pengertian yang berbeza terhadap makna hak asasi manusia. Akibat pemahaman yang berbeza ini. tindakan perlaksanaan yang dizahirkan juga berbeza walaupun pada hakikatnya seluruh manusia memerlukan layanan yang serupa.

Ringkasnya. hari ini Barat memberikan pengertian hak sivil dan hak politik sebagai hak asasi manusia⁵⁰. manakala bukan Barat pula melihat hak ekonomi. budaya dan sosial sebagai hak asasi manusia. Akibat perbezaan interpretasi ini. wujudnya pemimpin-pemimpin di peradaban bukan Barat terutama Asia yang berpandangan bahawa kebanyakan negara Barat yang disokong oleh NGO Barat dan media massa Barat yang memperjuangkan hak asasi manusia cuba memaksa interpretasi Barat kepada masyarakat bukan Barat. Bagi pemimpin bukan Barat. ada nilai-nilai tertentu yang membezakan antara bukan Barat dengan Barat di mana ada hak-hak tertentu yang hanya sesuai di Barat tetapi bertentangan dengan nilai bukan Barat.

Bagi Barat. hak asasi manusia adalah sejagat dan negara-negara bukan Barat yang menolak kesejagatan ini adalah negara yang tidak jujur kerana mereka bersifat autoritarian dan menjadikan isu perbezaan interpretasi ini untuk melindungi kebenaran. Sebenarnya. memang di Barat soal hak sivil dan politik sangat dititik beratkan berdasarkan kepada pengalaman sejarah mereka yang panjang berkenaan dengan penindasan sivil dan politik yang berlaku pada Zaman Gelap. Dalam soal hak sivil dan politik. negara-negara bukan Barat seperti China. Singapura dan Malaysia berpandangan bahawa Barat mengutamakan hak sivil dan politik serta mengabaikan hak ekonomi. sosial dan budaya. Barat mahukan hak sivil dan politik

diterima oleh semua negara sebagai maksud hak asasi yang sejagat. Sedangkan di negara-negara bukan Barat, persoalan ekonomi, sosial dan budaya lebih penting⁵¹. Kerana itu, mereka berpandangan bahawa Barat telah bersikap tidak adil kepada negara-negara bukan Barat terutama negara sedang membangun dan mundur.

Barat memang mengutamakan hak sivil dan politik berbanding dengan hak ekonomi, sosial dan budaya dari segi praktisnya. Sikap mereka terhadap China adalah bukti yang paling nyata⁵². Barat menuduh bahawa tidak wujud hak asasi di China kerana hak sivil dan politiknya lemah, tetapi sebenarnya hak ekonomi, sosial dan budaya adalah sangat cemerlang di China. Sedangkan di Barat sebahagian daripada rakyat mereka hidup merempat dalam kemiskinan, ketiadaan tempat tinggal, mengalami pencemaran budaya dan kadar jenayah yang tinggi. Dunia juga telah menyaksikan bagaimana perbezaan pendapat dan amalan ini telah dijadikan senjata dalam pertembungan antara peradaban Barat dan bukan Barat. Barat menuduh peradaban bukan Barat sebagai autokrasi atau kuku besi kerana mengabaikan hak sivil dan politik, manakala bukan Barat pula menuduh peradaban Barat sebagai peradaban yang hampir bangkrup kerana kegagalan mereka menangani krisis ekonomi, sosial dan budaya rakyat Barat.

Keseluruhannya, dapat difahami bahawa peradaban Barat telah melihat hak sivil dan hak politik sebagai hak asasi manusia dan mereka bukan sahaja mengamalkan perlaksanaan hak sivil dan politik ini tetapi juga memaksa peradaban bukan Barat menerima interpretasi mereka sebagai yang tulen. Peradaban bukan Barat

sebaliknya menerima hak ekonomi, sosial dan budaya sebagai hak asasi manusia dan menolak hak sivil dan politik. Perbezaan pandangan dan amalan ini kemudiannya menjadi senjata kepada kedua-dua pihak Barat dan bukan Barat untuk saling mengkritik dan bertelagah sehingga menimbulkan ketegangan kepada politik global.

3.6.2 Hak individu dan hak masyarakat

Interpretasi terhadap hak asasi manusia sama ada mengikut pandangan Barat atau bukan Barat mempengaruhi sikap mereka terhadap persoalan hak individu dan hak masyarakat. Barat yang cenderung kepada hak sivil dan politik begitu mementingkan hak individu, manakala bukan Barat yang mengutamakan hak ekonomi, sosial dan budaya mementingkan hak masyarakat. Pengalaman sejarah menjadi faktor penolak yang turut mempengaruhi interpretasi terhadap hak asasi manusia. Perjuangan Barat terhadap kepentingan individu ketika Zaman Gelap membentuk pandangan dunia mereka, manakala faktor penjajahan dan agama⁵³ membentuk sikap bukan Barat.

Pada asasnya, kedua-dua hak individu dan hak awam ini adalah sangat penting kepada semua manusia seperti yang dijamin oleh Perkara 29 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948⁵⁴. Dalam keadaan di mana masyarakat dimonopoli oleh gereja dan dikuasai putera raja, mereka melawan kerana hak individu. Tetapi jika kita berpegang kepada prinsip agama, tidak ada kontra yang wujud apabila

semua manusia tunduk kepada nilai-nilai tertentu dalam agama. Individu dalam falsafah agama-agama tertentu di Asia adalah ahli masyarakat dan haknya sebagai insan yang unik perlu diberikan. Dalam sejarah agama tertentu di Asia seperti Islam, masyarakat harmonis dapat diwujudkan walaupun hak individu turut diberikan. Tiada kontradiksi antara individu dan masyarakat. Peradaban Islam di Madinah pada zaman Rasulullah saw. dan di Andalus pada zaman Umayyah di Eropah memperlihatkan kenyataan ini.

Namun begitu, kepentingan individu adalah mengatasi kepentingan masyarakat mengikut fahaman dan interpretasi Barat. Satu contoh yang jelas ialah isu Salman Rushdie yang menulis sebuah buku berjudul '*Satanic Versus*' dan Taslima Nasreem yang menghina agama Islam⁵⁵. Bagi Barat, Salman Rushdie dan Taslima Nasreem berhak menulis dan mengemukakan pandangannya tanpa diganggu oleh mana-mana pihak dan mereka menganggap hukuman bunuh yang difatwakan oleh Imam Khomeini pada 1989 ke atas Salman Rushdie kerana menghina Nabi dan mencemarkan Islam sebagai melanggar hak asasi manusia. Sedangkan perbuatan Salman Rushdie menguris hati lebih satu billion masyarakat Islam di seluruh dunia. Ini memperlihatkan bagaimana Barat yang terlalu mengutamakan hak individu dan sivil sehingga membiarkan hak masyarakat diabaikan.

Di Bangkok, pernah tercetus ketegangan kerana beberapa pelancong Barat yang berbikini telah bergambar di hadapan patung Buddha sehingga mencetus kemarahan penganut Buddha. Di Sri Lanka juga, masyarakat Buddhist pernah

membantah tulisan Pope John Paul kerana buku *Authography* tulisannya yang memperkecilkan ajaran Buddha. Ini adalah contoh dua tindakan Barat yang membelakangkan sensitiviti masyarakat Buddha kerana mementingkan hak individu. Penentangan Barat terhadap keputusan mahkamah Singapura menjatuhkan hukuman rotan ke atas seorang warga Amerika Syarikat. Micheal Faye yang berusia 18 tahun akibat perbuatan vandalisme memperlihatkan sikap Barat yang mengutamakan individu walaupun kerajaan Amerika Syarikat sendiri terpaksa membelanjakan lebih USD2 bilion setiap tahun untuk membaik pulih kemudahan awam yang rosak akibat vandalisme⁵⁶.

Bagi peradaban bukan Barat pula, amalan menghormati ibu bapa, menghargai institusi perkahwinan, kepentingan keluarga sebagai asas masyarakat, kepentingan menjaga alam sekitar, menjaga sumber asli dan ketelusan pegawai kerajaan adalah lebih utama berbanding hak individu⁵⁷. Tidak dinafikan di sesetengah negara Barat pada praktisnya, sistem perundangan, ekonomi dan pentadbirannya telah berjaya melindungi masyarakat berbanding negara bukan Barat. Sistem kebijakan di Belanda lebih mementingkan masyarakat bahkan mereka jauh lebih baik berbanding dengan bukan Barat walaupun mereka mendewakan individu. Di Itali, sistem kekeluargaan mereka lebih mantap berbanding beberapa negara Asia⁵⁸.

Dalam peradaban bukan Barat, beberapa negara tertentu menggunakan idea masyarakat untuk menafikan hak individu yang sah. Hak individu untuk menyampaikan sesuatu yang benar dihalang kerana kononnya demi kepentingan

masyarakat. China, Malaysia dan Singapura adalah contoh negara yang terikat dengan idea masyarakat, tetapi menafikan hak individu seperti yang berlaku dalam kes Tiananmen di China serta tangkapan ISA di Malaysia dan Singapura. Akibatnya perkara-perkara kebenaran, keadilan, penentangan terhadap penyelewengan dan penindasan tidak dapat disuarakan secara bebas. Pemberian hak individu disimpulkan secara mudah kononnya akan memudarangkan hak awam.

Jika dinilai daripada dua pendekatan yang berbeza ini, jelas kedudukan individu sangat dipertahankan oleh Barat walaupun ia bercanggah dengan kepentingan masyarakat. Respon perabadian Asia terhadap beberapa tindakan Barat menunjukkan sikap peradaban bukan Asia yang mementingkan masyarakat. Ini adalah suatu unsur perbezaan yang jelas antara peradaban Barat dengan bukan Barat. Perbuatan mendewa-dewakan individu dengan meletakkan individu sebagai kayu ukur kepada hak asasi manusia di Barat sedangkan bukan Barat melihat nilai moral, hukum agama dan kepentingan ramai sebagai kayu ukurnya. Individu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat sehingga membelakangkan hak orang ramai yang juga mempunyai maruah.

3.6.3 Hak dan tanggungjawab

Selain krisis antara hak individu dan hak masyarakat, peradaban dunia juga menghadapi dilema tentang persoalan hak dan tanggungjawab. Sekali lagi faktor sejarah mempengaruhi sikap peradaban-peradaban terhadap persoalan hak dan

tanggungjawab. Peradaban Barat melihat hak sebagai kemuncak kemanusiaan. tetapi bukan Barat pula melihat kepentingan tanggungjawab yang lebih utama. Sebenarnya, sebagai insan yang hidup bermasyarakat, prinsip hak dan tanggungjawab ini mesti diseimbangkan. Setiap individu mesti diberikan hak tetapi mereka mesti mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap kepentingan orang lain. Perkara 29 Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 menekankan soal perimbangan antara hak dan tanggungjawab ini⁵⁹.

Sikap peradaban Barat yang mengutamakan hak sivil dan politik telah mengabaikan hak-hak lain yang lebih holistik. Para pejuang hak asasi di Barat terlalu mementingkan kebebasan bersuara dan memberi pandangan, hak berpersatuan, hak berbeza pendapat, hak mengundi dan hak persamaan undang-undang sehingga mewujudkan pengaruh psikologi yang kuat ke atas pejuang hak asasi dengan bukan Barat. Sangat malang bagi masyarakat di Barat, apabila isu-isu yang melibatkan kebertanggungjawaban seperti penindasan ekonomi, kemiskinan, ketiadaan tempat tinggal, kesihatan, buta huruf, pencemaran budaya, keruntuhan sosial, budaya hedonisme dan sebagainya tidak diambil peduli oleh pejuang hak asasi manusia di sana⁶⁰. Mereka mementingkan setiap orang diberikan hak sebagai individu, tetapi membiarkan tanggungjawab mereka terabai.

Di Barat seperti Amerika Syarikat, pemilikan senjata api, menagih dadah dan alkohol, berbogel di tempat awam tertentu dan hubungan seks bebas adalah hak kepada semua rakyat. Tetapi akibat sikap tidak bertanggungjawab, Amerika

Syarikat menjadi negara yang mempunyai kadar jenayah dan masalah sosial yang paling tinggi. Konsep hak yang dipegang oleh kumpulan fanatik Kristian. *Klu Klu Klan* di Amerika, *Neo-Fasis* di Itali dan *Neo-Nazi* di Jerman yang memperjuangkan idea superioriti kulit putih dan menganggap orang yang berwarna tidak mulia dan boleh dibunuh adalah suatu idea yang tidak bertanggungjawab⁶¹. Orang-orang Yahudi yang menguasai peradaban Barat hari ini juga melihat bahawa orang bukan Yahudi adalah binatang (*goyim*) yang boleh dibunuh sesuka hati⁶². Inilah sikap tidak bertanggungjawab yang dibawa oleh Barat sehingga menafikan hak masyarakat lain untuk hidup bebas, adil dan bermaruah.

Dalam hubungan antarabangsa juga, Barat lebih mementingkan haknya untuk melakukan penindasan ekonomi, politik dan ketenteraan sehingga mereka sanggup menaja beberapa perang dan kemasuhan yang berlaku di Teluk Parsi, Balkan, Palestin dan sebagainya serta mengabaikan tanggungjawab mereka untuk memastikan setiap manusia untuk hidup aman, bebas dan adil. Berjuta manusia menjadi pelarian, hilang tempat tinggal, tidak mendapat kemudahan kesihatan dan pendidikan yang sewajarnya. Barat juga menguasai regim ekonomi antarabangsa untuk mengawal perjalanan ekonomi dunia dan menindas negara sedang membangun dan miskin sebagai satu hak. Sedangkan kemasuhan ekonomi negara Asia tidak menjadi beban tanggungjawab mereka. Barat juga menggunakan hak mereka untuk menyebarkan pengaruh budaya hedonisme melalui teknologi yang mereka kuasai akhirnya berjaya mencemarkan kehidupan sosial dan budaya tradisi masyarakat antarabangsa tanpa rasa tanggungjawab.

Peradaban bukan Barat pula mahukan tanggungjawab lebih diutamakan daripada kepentingan dan hak peribadi. Mereka mahu hak masyarakat diberikan sepenuhnya dan hak individu tidak sepatutnya menjadi punca pengabaian tanggungjawab. Negara bukan Barat seperti China dan Malaysia berhujah bahawa tanggungjawab adalah lebih penting, kerana itu hak tertentu mesti disekat. China berpendapat dengan 1.2 bilion penduduknya, mereka tidak boleh memberikan hak mengundi dan menubuhkan parti politik kerana akan mewujudkan kelompok yang boleh memecahkan negara China. Di Malaysia yang bermasyarakat majmuk, hak individu terpaksa disekat supaya keharmonian masyarakat dapat dijaga⁶³.

Namun begitu, hujah China menghalang hak rakyatnya demi menjaga kepentingan umum adalah tidak benar, kerana China pernah berpecah dengan Taiwan dahulu tetapi bukan kerana undi dan parti politik. Sedangkan India, sebuah negara demokrasi yang terbesar semenjak 1947 mengadakan pilihan raya dan membenarkan parti politik tetapi tidak mengalami sebarang perpecahan sebaliknya Pakistan yang kurang demokrasi telah berpecah sehingga mewujudkan Bangladesh. Begitu juga tentang alasan masyarakat majmuk Malaysia, ia adalah tidak benar. Negara yang lebih berjaya membendung perkauman ialah Australia, sebuah negara demokrasi apabila idea '*one nation*' berjaya ditumpaskan. Di India, parti perkauman Barathiya Jannata Party (BJP) telah dikalahkan oleh Kongres 1. Atas nama kestabilan kaum, Malaysia melakukan rejimentasi bukannya regulasi.

Jelasnya. Barat dapat dilihat terlalu mementingkan hak sehingga banyak tanggungjawab yang menjadi asas keharmonian terabai. Bukan Barat pula mengutamakan tanggungjawab sehingga hak-hak yang sepatutnya dinikmati tercabul. Kedua-dua peradaban ini mempunyai alasan mengapa mereka mengutamakan hak atau tanggungjawab. tetapi alasan mereka adalah kabur dan rapuh sehingga memangsakan setiap insan sama ada dari segi hak atau tanggungjawab. Sedangkan dalam semua agama sama ada Kristian yang dianut oleh Barat atau Islam. Buddha. Hindu dan lain-lain yang dianut oleh bukan Barat. tanggungjawab adalah saling berkelindan dengan hak⁶⁴.

Keseluruhannya. peradaban Barat memang bersikap diskriminasi terhadap interpretasi hak asasi manusia yang holistik. Mereka melihat hak sivil dan politik sebagai hak asasi manusia. mementingkan hak individu daripada hak masyarakat dan mengutamakan hak daripada tanggungjawab. Peradaban bukan Barat pula bersikap sebaliknya. Walaupun secara retoriknya semua peradaban memperjuangkan hak asasi manusia. tetapi secara praktisnya mereka menafikan hak-hak tersebut dalam peradaban mereka dan peradaban lain. Persoalan kepentingan politik antarabangsa juga menjadi faktor yang lebih menentukan sikap mereka dalam memberikan interpretasi yang lebih menyeluruh terhadap hak asasi manusia yang sebenar.

3.7 PENUTUP

Walaupun masyarakat antarabangsa telah berusaha keras untuk memberikan panduan tentang kerangka sebenar hak asasi manusia. namun ternyata ia terus dicabuli. Hak-hak sivil. politik. ekonomi. sosial dan budaya telah diragut daripada maruah kemanusiaan. Bukan setakat isu sahaja. setiap peradaban pula mempunyai interpretasi yang berbeza terhadap hak asasi manusia yang akhirnya menjadi senjata dalam pertembungan antara peradaban. Ternyata persoalan hak asasi manusia telah menjadi satu krisis bagi peradaban manusia hari ini.

Daripada pencabulan-pencabulan hak asasi manusia yang dipaparkan di atas jelas menggambarkan kehidupan manusia hari ini dipenuhi oleh cabaran kemanusiaan. Jika ke semua kes pencabulan hak asasi manusia boleh dipaparkan. maka sudah tentu kita akan membuat kesimpulan bahawa peradaban manusia telah runtuh. Semua aspek hak asasi manusia termasuk hak sivil. hak politik. hak ekonomi. hak sosial dan hak budaya telah terjerumus dalam pencabulan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kini suara-suara pejuang hak asasi manusia hanya menjadi retorik yang tidak diambil peduli oleh penguasa dan pemerintah.

Nota Hujung

- ¹ Mahdi Shuid (2000) *Terminologi Peradaban: Sukar Didefinisikan Mudah Diperjelaskan*. dalam jurnal *Macana Dialog Peradaban*, jld 1 Puchong MHF Publication, hal 2-6
- ² Huntington, Samuel P (1996) *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order*. New York: Simon and Schuster, hal 192-198
- ³ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejak 1948* Petaling Jaya ERA Consumer Malaysia, hal 3-5
- ⁴ United Nations (1973) *The United Nations and Human Rights* New York UN, hal 29
- ⁵ *Ibid.*
- ⁶ Gurr, Robert Ted dan Harff, Barbara (1994) *Dilemmas in World Politics Series*. Boulder, Colorado: Westview Press, hal 206. Lihat juga Team Liwa' ul-Haq (2000/2001) Amerika, Imperealisme dan Terorism: Sempena 200 Tahun Imperialisme, dalam jurnal *Liwa' Ul-Haq* bil. 1 Kuala Lumpur, hal 89-96
- ⁷ United State Department of State (2002) *Patterns of Global Terrorism 2001* Washington: United State Department of State
- ⁸ Lihat Fadzil Mohd Noor (2002) *Mantapkan Ilmuom Menyemarakkan Kebangkuian*. Ucapan Dasar Presiden PAS 2002. Kuala Lumpur: PAS, hal 9
- ⁹ Team Liwa' ul-Haq, *Op cit.* hal 90
- ¹⁰ Daim Zainuddin (2002) Antara Fakta dan Tentang perang ke atas Iraq, kolumn *Mingguan Malaysia*, 10 Nov 2002, hal 6
- ¹¹ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejak 1948* hal 5-8
- ¹² United Nations (1973), *Op cit.* hal 29
- ¹³ Mahfuz Omar (1999) *Pemuda Pemimpin Pernihahan* Kuala Lumpur DPP Pusat, hal 5-6. Lihat juga Norjan Taj Mohd (1982/83) *Masalah Kebebasan Politik dan Sekatan Terhadapnya Satu Kajian Kes di Malaysia*, latihan ilmiah Jabatan Sains Politik UKM Bangi
- ¹⁴ Sigmund, Paul E Jr 1963 *The ideologies of the developing nations* New York: Praeger, hal 25
- ¹⁵ Chandra Muzaffar (1995a) *Hak asasi Manusia Dalam Tata Dunia Baru* Bandung: Pustaka Mizan, hal 138-140
- ¹⁶ Lihat Herman, Edward (1996) Freedom of Expression in the West: Myth and Reality, dalam JUST (edit) *Human Wrong* Penang: JUST, hal 171-180. Lihat juga Bois, David Du (1996) Racism in the West and its Impact on Human Rights, dalam *Human Wrong*, hal 181-187
- ¹⁷ Fadzil Mohd Noor (1995) *Memanggah Fikrah Maddiyah*. Ucapan Dasar Presiden PAS. Kuala Lumpur: PAS, hal 30
- ¹⁸ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejak 1948*, hal 8-9
- ¹⁹ Lihat United Nations (1973), *Op cit.* hal 28
- ²⁰ Md Akhir Yaakob (1985) *Hak Asasi Manusia Menurut Islam Satu Pendekatan Perbandingan* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, hal 12
- ²¹ Chandra Muzaffar (1995a) *Op cit.* hal 40
- ²² Lihat Huntington (1996), *Op cit.* hal 131-135
- ²³ Bangash, Zafar (1997) *China From Socialism to Market Economy and the Quest for World Status* <http://www.muslimedia.com/archives/book98/chinabk.htm>. diakses pada 13 September 2002, hal 1-4
- ²⁴ UNDP (1992) *Human Development Report 1992*. Oxford University Press, hal 34.
- ²⁵ *Ibid.* hal 35
- ²⁶ *Ibid.* hal 74
- ²⁷ Chandra Muzaffar (1995a), *Op cit.* hal 41-42
- ²⁸ UNDP (1992), *Op cit.* hal 75
- ²⁹ Pusat Penyelidikan Tata Ekonomi Antarabangsa Baru (1991) *Krisis Hutang: Hutang India yang Terus Meningkat dan Ekonomi Dunia*. Madras, hal 13
- ³⁰ *Ibid.* hal 112
- ³¹ *Ibid*
- ³² *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejak 1948*, hal 9-10
- ³³ Lihat United Nations (1973), *Op cit.* hal 28
- ³⁴ Syed Hussein Alatas (1996) Keadilan Sosial Tuntutan Mutlak, dalam Azizan Bahari dan Chandra Muzaffar (peny) *Keadilan Sosial* Kuala Lumpur: IKD, hal 6
- ³⁵ Tomasevski, Katarina (1999) *Women and Human Rights*. London: Zed Books Ltd., hal 44-56
- ³⁶ United Nations (1995) *Notes for Speaker* New York: UN, hal 61. Lihat juga laporan Unicef 1994, dalam *Berita Harian* 12 Jun 2000
- ³⁷ UN (1995). *Ibid* Lihat juga Laporan The State of the World's Children 1993, dalam *Berita Harian* 12 Jun 2000
- ³⁸ OECD ialah pertubuhan yang dianggotai oleh 29 negara maju. *Berita Harian*, 12 Jun 2000
- ³⁹ Ulasan laporan Unicef dalam *Berita Harian* bahagian Dunia (12 Jun 2000) "23 negara maju cuai atas kemiskinan: Unicef"

- ⁴⁰ Lihat Report on Global HIV/AIDS, diakses pada 4 Julai 2000 http://www.unaids.org/epidemic_update/report/Epi_report_chap_reliability.htm, hal 6
- ⁴¹ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat* 1948, hal 9-10.
- ⁴² Lihat United Nations (1973). *Op cit.* hal 28
- ⁴³ Chandra Muzaffar (1995a). *Op cit.* hal 46-48
- ⁴⁴ *Ibid.* hal 47
- ⁴⁵ *Ibid.* 47
- ⁴⁶ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat* 1948, bahagian mukaddimah, hal 1
- ⁴⁷ Chandra Muzaffar (1995a), hal 64-65
- ⁴⁸ Lihat Deklarasi Vienna 1993 pada perenggan 5, bahagian 1
- ⁴⁹ Md Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 10
- ⁵⁰ Chandra Muzaffar (1995a). *Op cit.* hal 31
- ⁵¹ *Ibid.* hal 32
- ⁵² Bangash. *Op cit.* hal 3
- ⁵³ Mahathir Mohamad (1999) *Kebangkuhan Semula Asia*. Kuala Lumpur: Pelanduk, hal 77 dan 85
- ⁵⁴ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat* 1948, hal 10
- ⁵⁵ Temuramah dengan Pengarah JU'ST, Dr Chandra Muzaffar di Petaling Jaya pada 26 Jun 2000
- ⁵⁶ *Ibid*
- ⁵⁷ Mahathir Mohammed. *Ibid.* hal 85
- ⁵⁸ Temuramah dengan Dr Chandra Muzaffar pada 26 Jun 2000
- ⁵⁹ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat* 1948, hal 10
- ⁶⁰ Chandra Muzaffar (1995a). *Op cit.* hal 67
- ⁶¹ Temuramah dengan Dr Chandra Muzaffar pada 26 Jun 2000
- ⁶² A Latiff Ibrahim et al (1997) *Yahudi Kuasai Malaysia*. Kuala Lumpur: PAS, hal 9
- ⁶³ Temuramah dengan Dr Chandra Muzaffar pada 26 Jun 2000
- ⁶⁴ Chandra Muzaffar (1995). *Op cit.* hal 67